

**STRATEGI PELAKSANAAN  
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN**

**NAMA PUSAT** : OUTDOOR LEARNING CENTER  
**FUNGSI** : OUTDOOR/AKTIVITI LUAR  
**TAJUK** : MARI BERKAWAD

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	FK 2.2	Melakukan pelbagai pergerakan lokomotor.
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	FK 2.2.2  KD 2.2.2	Melakukan gabungan pergerakan lokomotor.  Menyatakan cara mengurus emosi secara positif dalam situasi yang tidak menyenangkan.
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Memerhati pergerakan berkawad.
		<b>T</b>	Pembesar suara, video, smart TV
		<b>R</b>	Sabar, disiplin, bekerjasama, ketahanan diri.
		<b>E</b>	Mengenalpasti teknik berkawad.
		<b>A</b>	Menyanyi, kombinasi pergerakan dan sebutan dengan rentak yang sama.
		<b>M</b>	Konsep jarak, ruang, arah, masa
4	<b>OBJEKTIF</b>	Kanak-kanak dapat berkawad dengan cara yang betul mengikut muzik.	
5	<b>BBM</b>	Uniform tentera	
6	<b>NILAI MURNI</b>	Berinteraksi dengan cara berhemah, mendengar arahan dengan baik.	

**STRATEGI**

1. Guru memasang video tentera berkawad.  
Link : <https://youtu.be/Epbf3XdhSNo>
  
2. Guru memasang video dari laman sesawang Youtube lagu kanak-kanak Didi & Friends bertajuk ‘Semut Berkawad’.  
[..\\FINAL\\LIRIK LAGU SEMUT BERKAWAD.docx](#)
  
3. Kanak-kanak menonton video tersebut dan menyanyi bersama-sama.
  
4. Kanak-kanak berada di ruang perhimpunan dan membentuk satu bulatan besar di luar kelas.
  
5. Kanak-kanak melakukan aktiviti regangan dengan diketuai oleh seorang kanak-kanak lain secara sukarela bersama bimbingan guru.
  
6. Guru atau pakar yang dijemput memulakan aktiviti dengan meminta kanak-kanak beratur dalam tiga barisan.
  
7. Guru atau pakar menerangkan sambil membuat demonstrasi bahasa kawad iaitu:
  - “Baris.....Bariiis sedia!”
  - “Senaaang diri!”
  - “Rehatkaaan diri!”
  - “Ke kanaan.....lurus!”
  - “Pandang.....depan!”
  - “Dari kiri...hentaak kaki!”
  - “Bariiis.....henti!”
  - “Baris...dari kiri cepat jalan!”
  
8. Kanak-kanak mula berkawad dengan bimbingan guru/pakar

Kanak-kanak berkumpul dan menyatakan perasaan tentang aktiviti yang telah dijalankan.

**Nota:**

- Guru menerapkan nilai keselamatan kepada kanak - kanak